

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 MARCH 2015

# Aeroangkasa jana hasil RM32.5 bilion

» Industri turut bakal wujud 32,000 pekerjaan menjelang tahun 2030: PM

**LIMA '15**  
LANGKAWI

Oleh Adha Ghazali,  
Che Wan Badrul Alias  
dan Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Industri aeroangkasa Malaysia dijangka menyumbang hasil sebanyak RM32.5 bilion kepada negara serta mewujudkan 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030, kata Datuk

Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Pelan Induk Aeroangkasa Kedua 2030 yang dilancarkan semalam, sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2015 (LIMA '15) akan menjadi pemangkin usaha terbabit, sekali gus meletakkan Malaysia pada kedudukan kukuh untuk menerajui industri aeroangkasa di rantau ini.

## Kabinet lulus badan khas

Beliau berkata, Kabinet juga sudah meluluskan penubuhan badan khas, Agensi Koordinasi Aeroangkasa Nasional di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi melaksanakan peran-cangan dalam pelan induk berkenaan.

Agensi itu juga, katanya, turut diberi tanggungjawab sebagai sekretariat baharu dalam Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC).

"Berdasarkan kedudukan Kuala Lumpur yang strategik bagi industri maritim dan ae-

roangkasa, hubungan yang kukuh di rantau ini dan persekitaran ekonomi terbuka serta mesra pelabur, saya yakin pertumbuhan Malaysia akan kekal kukuh.

"Seperti kita sedia maklum, Pelan Induk Industri Aeroangkasa pertama yang dilancarkan pada LIMA 1997 berjaya mencatatkan RM19 bilion pendapatan, menarik RM4.2 bilion pelaburan dan menyediakan lebih 19,500 pekerjaan," katanya.

Pelancaran pelan induk aeroangkasa terbaharu itu diumumkan oleh Perdana Menteri ketika berucap merasmikan pembukaan LIMA '15 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, bersebelahan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini.

Sementara itu, Najib yakin ASEAN akan terus kekal sebagai pasaran menarik untuk konglomerat pertahanan global di sebalik pemotongan perbelanjaan oleh rantau lain kerana Asia Tenggara adalah rantau penting dalam sektor berkenaan serta industri ko-

mersial lain dengan LIMA menjadi pentas terbaik untuk berurusan.

Katanya, penerbitan terkemuka antarabangsa, IHS Jane's meramalkan perbelanjaan pertahanan ASEAN akan meningkat kepada AS\$44.5 bilion (RM164.65 bilion) pada tahun 2018, berbanding AS\$38.5 bilion (RM142.45 bilion) tahun ini.

## Kukuh kerjasama ASEAN

Mengenai LIMA, Najib berkata, tumpuan utama diberikan ASEAN akan membantu mengukuhkan asas penganjuran acara dwitahunan itu sebagai landasan kepada industri maritim dan aeroangkasa di rantau ini yang disifatkan sebagai paling dinamik.

"Kita berharap supaya Persidangan Aviati dan Forum Niaga ASEAN akan menjurus ke arah kejasama dan pertukaran yang lebih kukuh, sekali gus membantu kita merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN yang akan dilancarkan hujung tahun ini," katanya.

Selain, menyaksikan persembahan udara pada majlis pembukaan LIMA '15, Perdana Menteri turut meninjau ruang pameran MIEC, menghadiri peijumpaan tertutup bersama menteri pertahanan ASEAN serta majlis prapelanaran pesawat pengangkut strategik, Airbus A400M yang baharu diterima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).